



**NOTIS SEBUT HARGA  
PERBADANAN PUTRAJAYA**

**No. Sebut Harga : PPj/JR/SH(S)/0001/2024**

Tajuk Sebut Harga :

**KERJA-KERJA MEMBEKAL DAN MEMASANG DUA (2) UNIT KABIN (KONTENA) BESERTA KEMUDAHAN-KEMUDAHAN LAIN UNTUK PUSAT KEGIATAN KOMUNITI KECIL, PRESINT 8, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA**

1. Sebut harga adalah dipelawa daripada **Syarikat Bumiputera** yang berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB)**, **Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)**, beralamat di **Wilayah Persekutuan Putrajaya, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor sahaja** di bawah **Untuk Gred G1, Kategori : CE – Pengkhususan CE21 (Pembinaan Kejuruteraan Awam)** untuk melaksanakan projek tersebut di atas.
2. Taklimat Sebut Harga adalah **DIWAJIBKAN** akan diadakan pada **26 Februari 2024 (Isnin)** jam **10.00 pagi** di **Bilik Mesyuarat Cemara, Aras C5, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana Presint 3, 62675, Wilayah Persekutuan Putrajaya**. Kehadiran pemilik/pengarah syarikat atau pegawai syarikat yang ditauliahkan dalam **SPKK** adalah **DIWAJIBKAN**. Sila bawa bersama **Sijil Pendaftaran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM)**, **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)**, **Sijil Taraf Bumiputera (STB)** dan **Cap Syarikat**.
3. Dokumen Sebut Harga boleh didapati semasa waktu pejabat pada **26 Februari 2024 (Isnin)** hingga **29 Februari 2024 (Khamis)** oleh wakil Syarikat yang sah serta menghadiri taklimat sahaja dengan bayaran secara tunai **RM10.00** di Kaunter Jualan Tender / Sebut Harga, Aras 3, Bangunan Annexe Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Putrajaya.
4. Kontraktor/Syarikat dikehendaki membawa **satu (1) Salinan Sijil Pendaftaran LPIPM, SPKK dan STB**. Wakil Kontraktor/Syarikat adalah **diwajibkan** untuk membawa **Surat Wakil Kuasa (Asal)** yang ditandatangani pegawai syarikat yang ditauliahkan untuk membeli dokumen Sebut Harga.
5. Semua Borang Sebut harga yang telah lengkap diisi hendaklah dikembalikan ke alamat seperti di atas sebelum jam **12.00 tengah hari** pada **04 Mac 2024 (Isnin)**.
6. Kontraktor / Syarikat yang hadir ke taklimat dan berurusan di kaunter perlulah mematuhi S.O.P yang telah ditetapkan. Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi Seksyen Pengurusan Perolehan di talian **03-8887 7708** atau e-mel ke [spp@ppj.gov.my](mailto:spp@ppj.gov.my).
7. Kenyataan notis ini turut boleh didapati dalam portal rasmi Perbadanan Putrajaya di alamat <https://www.ppi.gov.my> dan portal MyPROCUREMENT <https://myprocurement.treasury.gov.my>.

**( SHAMSUL BAHRIN BIN RAHMAT )**

**NAIB PRESIDEN  
Jabatan Perancangan Bandar  
Perbadanan Putrajaya**